

Terms and Conditions

AmBank (M) Berhad: FD Combined with WealthInspire Campaign Campaign Period: 3 April 2024 – 30 April 2024

REMINDER: The Eligible Customer (as defined below) is hereby reminded to read and understand the terms and conditions below which is available at <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. If the Eligible Customers do not understand any of the terms and conditions and the updated terms and conditions (if any), the Eligible Customers are advised to discuss with the Bank's licensed staff, representative or agent.

1. Definition

For the purpose of this Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

"Bank" means AmBank (M) Berhad (Company No: 19690100016 (8515-D)) incorporated under the laws of Malaysia and having its registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No.55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Campaign" means **FD Combined with WealthInspire Campaign** organised by the Bank in accordance with the terms and conditions stipulated herein.

"Calendar Day" means Monday to Sunday, including public holiday.

"Current Account/Savings Account (CASA)" means the deposit account maintained by the Eligible Customer with the Bank.

"Eligible Customer" means all new and existing to the Bank's customers who meet all the eligibility criteria as provided in Clause 3 herein.

"Fixed Deposit" or **"FD"** means the fixed deposit offered by AmBank (M) Berhad to the Eligible Customers.

"Existing Fund" means the maturing FD, **excluding** premature withdrawal of the FD from any existing FD account with the Bank.

"Fresh Fund" means monies or funds that are:

- (a) Not transferred from any of the Bank's existing FD or CASA; and
- (b) Funds transferred from another bank into the Eligible Customer's CASA not more than seven (7) Calendar Days prior to deposit placement. Deposit placements made by way of cheque(s) are subject to their clearance and will only be considered as deposit placements by the Eligible Customers after the cheques are paid or cleared and will only be considered good if not returned or dishonoured.

"Insurance Company" means AmMetLife Insurance Berhad for Policy.

"Policy" means the insurance policy between Insurance Company and Policy Owner whereby the terms and conditions of the insurance contract are stipulated.

“**Policy Owner**” means the person or party who owns an individual insurance Policy.

“**Payor**” means the person who pays the Premium. This term is usually used when the person making the Premium payments is different from the insured. Example: Payor is the father, insured is the son.

“**Premium**” means the amount paid by the insured to buy the insurance Policy.

“**Prior Notice**” means notice by the Bank of certain facts or of a particular state of affairs of at least five (5) calendar days.

“**Life Assured**” means the person(s) whose life is covered in the insurance contract.

“**WealthInspire**” means the conventional Traditional Non-Participating Limited Premium Payment Endowment Plan offered by AmMetLife.

2. Campaign Period

The Campaign will commence from **3 April 2024 to 30 April 2024** (both dates inclusive) (“**Campaign Period**”) or such other period as may be determined by the Bank with Prior Notice to Eligible Customers.

3. Eligibility

- 3.1 The Campaign is open to all **new and existing individual** customers of the Bank who are 18 years old and above and with an active AmBank CASA. This Campaign does not apply to sole-proprietorships, partnerships, charitable / non-profit organisations, corporate and commercial customers.
- 3.2 Employees of the AmBank Group and their immediate family members (spouses, children, siblings and parents) are also eligible to participate in this Campaign. For purposes of this campaign, staff rate is **not allowed** to be included on top of the special rate.

4. Campaign Offer

- 4.1 The Campaign is only eligible for FD Combined with WealthInspire.
- 4.2 Subject to the terms and conditions herein, an Eligible Customer will be entitled to earn Fixed Deposit Preferential Interest Rate (“**FD Preferential Rate**”) as tabulated in Table 1 (A) below, if the Eligible Customer deposits/purchase WealthInspire during the Campaign Period:

(A) FD Combined with WealthInspire

The Eligible Customer shall deposit a minimum of Ringgit Malaysia Thirty Thousand (RM30,000) in FD for a period of 1-months, 3-months, 6-months or 12-months AND purchase a minimum of Ringgit Malaysia Thirty Thousand (RM30,000) Annual Premium for WealthInspire offered by AmMetLife. The minimum Bancassurance ratio for the FD and WealthInspire must be **1:1**.

Table 1 (A) FD Combined with WealthInspire

Combined Ratio	Tenure	Minimum FD Placement Amount	Minimum WealthInspire Annual Premium	FD Preferential Rate
FD: WealthInspire 1:1	1-months	RM30,000	RM30,000	36.88% p.a.
	3-months			15.88% p.a.
	6-months			9.88% p.a.
	12-months			6.88% p.a.

5. Campaign Criteria

- 5.1 The minimum amount of WealthInspire Annual Premium and FD placement is Ringgit Malaysia Thirty Thousand (RM30,000). The corresponding Premium amount **must be more than or equal** to the FD placement amount. Please refer to the illustration in Table 2 below:

Table 2 Illustration for Eligibility

Amount		Eligibility
Wealth Inspire Annual Premium (RM)	FD Placement (RM)	
30,000	70,000	No
30,000	10,000	Yes
30,000	30,000	Yes

- 5.2 The FD placement amount is not allowed to be higher than the Annual Premium for WealthInspire whereas the Annual Premium for WealthInspire can be more than or equal to the FD Placement amount.
- 5.3 Only WealthInspire with an **annual payment mode** will be qualified for this Campaign.
- 5.4 The maximum FD placement per Eligible Customer per policy is up to Ringgit Malaysia One Hundred and Fifty Thousand ((RM150,000) only).
- 5.5 WealthInspire must be in force by the **Insurance Company** and have passed the fifteen (15) calendar days' cooling off period.
- 5.6 The signing date of the proposal form in respect of both WealthInspire and initial FD Placement must be done on the same day to enjoy FD Preferential Rate.
- 5.7 An Eligible Customer is also given thirty (30) calendar days for FD placement after the Policy issuance if Eligible Customer is unable to place FD on the signing date of the proposal form.
- 5.8 The Bank reserves the right to revert the FD Promotional Rate of the Participating FD to the prevailing 1-months, 3-months, 6-months or 12-months FD Board Rate from the date of FD Placement and the interest on the FD will be paid at the Bank's prevailing board rate in the event of the following:

- 5.8.1 Participating policy is cancelled, rejected, surrendered or lapsed by any party for any reason whatsoever at any time during the FD Placement tenure; and/or
- 5.8.2 Eligible Customer do not fulfil the Terms and Conditions stated herein.

5.9 The Policy Owner or Life Assured and FD accountholder must be the same party and in the case of joint account, the FD and Policy Owner or Life Assured must be the same party as well. Please refer to the illustration in Table 3 below:

Table 3 Illustration for Policy Owner or Life Assured and FD accountholder

WealthInspire		Annual Premium (RM)	FD Account Holder		FD Placement (RM)	Eligible (Yes/No)
Policy Owner	Life Assured		Primary	Secondary		
A	-	30,000	A	-	30,000	Yes
A	B	70,000	A	B	70,000	Yes
A	B	30,000	A	-	20,000	Yes
A	-	30,000	A	B	30,000	Yes
A	B	30,000	A	C	30,000	Yes
A	B	30,000	A	C	30,000	Yes
-	A	30,000	A	-	30,000	Yes
B	-	30,000	C	-	30,000	No

- 5.10 Payor of the Policy is not eligible for FD placement.
- 5.11 The FD Preferential Rate is applicable to initial placement (1-cycle) only which means Eligible Customer can only enjoy 1-time FD Preferential Rate under this Campaign for the same policy purchased. Upon maturity of the FD tenure, the FD Preferential Rate shall be converted to the Bank's prevailing board rate for fixed deposits and shall apply to any roll-overs and/or renewals.
- 5.12 The FD may **NOT** be used as collateral for pledging purposes.
- 5.13 With effect from 1 January 2019, all FD placements which are withdrawn before maturity will have **NO** interest payable:
- a) For FD Account, these Terms and Conditions shall be read together with the General Terms and Conditions of Accounts and Services available at <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>
- 5.14 The Campaign is applicable to **Fresh Funds AND Existing Funds** with a minimum placement of Ringgit Malaysia Thirty Thousand (RM30,000) for both FD and WealthInspire.
- 5.15 The Campaign is **not applicable for top up Premium** as well as **top up FD placement amount**.
- 5.16 The Campaign is not valid in conjunction with any other offers and promotions (if any) offered by the Bank in relation to WealthInspire.

5.17 The FD and WealthInspire are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), which details are available in <https://www.pidm.gov.my/en/public/frequently-asked-questions-faqs/about-pidm-faqs/>.

6. General Terms and Conditions

6.1 By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) are advised to read and understand the terms and conditions herein, which has to be read together with the:

a) General Terms and Conditions for Accounts and Services.

The Eligible Customer(s) are required to log on to the Bank's official website at <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> for any Campaign updates or the latest terms and conditions, if any.

6.2 The Eligible Customer is required to sign all relevant standard documents of the Bank and comply with all terms and conditions in respect of their investments in the relevant products under the Campaign, which are separate from these terms and conditions.

6.3 The Bank shall have the right to disqualify any Eligible Customer from participating in the Campaign if it finds or determines that:

- a. The said Eligible Customer has provided untrue information or acted fraudulently in any manner during the entry process or at any time during the Campaign Period; or
- b. The Eligible Customer has breached or potentially breached the terms and conditions herein.

6.4 This Campaign is not valid with other campaigns of the Bank. Hence, no other special, additional or preferential rates shall be given under the Campaign.

6.5 The Bank shall have the right to vary, amend, delete or add to any of the terms and conditions set out herein, in whole or in any part from time to time including to vary the Campaign Period with Prior Notice.

6.6 For avoidance of doubt, any cancellation, termination or suspension by the Bank of this Campaign shall not entitle the Eligible Customer to any claim or compensation against the Bank for any and all losses or damage suffered or incurred by the Eligible Customer as direct or indirect result of the cancellation, termination or suspension.

6.7 Any notice issued by the Bank will be posted on the Bank's official website at www.ambank.com.my or any of the Bank's branches and such notice shall be deemed as delivered and notified to the Eligible Customers.

6.8 The Bank's decision on all matters relating to the Campaign shall be final and binding on all Eligible Customers. No further correspondence or appeal will be entertained.

6.9 Under no circumstances will the Bank be held liable for any of the followings:

- a. The Bank is not liable for any default in respect of this Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.

b. The Bank shall not be liable to any Eligible Customer for any damage of whatsoever nature or loss suffered (such as loss of goodwill, income or profits or consequential, direct or indirect, exemplary, incidental, punitive or special damages) howsoever arising in relation to participation in the Campaign, or the Bank exercising its rights pursuant to any of the Terms and Conditions herein except where such actions, claims, direct losses, damages and expenses were directly attributable to the Bank's gross negligence, wilful default or fraud.

6.10 All questions concerning the construction, validity, enforcement and interpretation of the terms and conditions stipulated herein shall be governed by, construed and enforced in accordance with the laws of Malaysia. The parties hereby submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia for the purpose of any suit, action or other proceeding arising out of or based on the terms and conditions herein.

6.11 The Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions is also available.

6.12 The Eligible Customers are required to log on to the Bank's corporate website for any Promotional updates and refer to ambank.com.my/eng/terms-and-conditions for the latest terms and conditions, if any.

6.13 For any assistance and/or feedback related to this Campaign, Eligible Customers may contact the Bank's Contact Centre from 7.00 a.m. to 11.00 p.m, Monday to Sunday by calling 03-2178 8888 or by e-mailing inquiries/feedback to customercare@ambankgroup.com.

Terma dan Syarat

AmBank (M) Berhad: Kempen Gabungan DT dengan *WealthInspire* Tempoh Kempen: 3 April 2024 – 30 April 2024

PERINGATAN: Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan Yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat (jika ada), Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan, wakil atau ejen berlesen Bank.

1. Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Bank**” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 19690100016 (8515-D)) yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” bermaksud **Kempen Gabungan DT dengan WealthInspire** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Hari Kalendar**” bermaksud Isnin hingga Ahad, termasuk cuti umum.

“**Akaun Semasa/Akaun Simpanan (CASA)**” bermaksud akaun deposit yang disenggarakan oleh Pelanggan Yang Layak dengan Bank.

“**Pelanggan Yang Layak**” bermaksud semua pelanggan Bank baharu dan sedia ada yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di sini.

“**Deposit Tetap**” atau “**DT**” bermaksud deposit tetap yang ditawarkan oleh AmBank (M) Berhad kepada Pelanggan Yang Layak.

“**Dana Sedia Ada**” bermaksud DT yang akan matang, **tidak termasuk** pengeluaran pramatang DT/ daripada mana-mana akaun DT sedia ada dengan Bank.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (c) Tidak dipindahkan daripada mana-mana DT sedia ada atau CASA; dan
- (d) Dipindahkan dari bank lain ke dalam CASA Pelanggan Yang Layak tidak lebih daripada tujuh (7) Hari Kalendar sebelum peletakan deposit. Peletakan deposit yang dibuat melalui cek adalah tertakluk kepada kelulusan mereka dan akan hanya diterima sebagai peletakan deposit oleh Pelanggan Yang Layak selepas cek-cek tersebut dijelaskan dan akan hanya dianggap jelas jika tidak dikembalikan atau bukan cek tidak laku.

“**Syarikat Insurans**” bermaksud AmMetLife Insurance Berhad untuk Polisi.

“**Polisi**” bermaksud polisi insurans antara Syarikat Insurans dan Pemilik Polisi di mana terma dan syarat kontrak insurans ditetapkan.

“**Pemilik Polisi**” bermaksud orang atau pihak yang memiliki satu Polisi Insurans Perseorangan/Sijil Takaful.

“**Pembayar**” bermaksud orang yang membayar Premium. Istilah ini biasanya digunakan apabila orang yang membuat bayaran Premium tersebut adalah berbeza dengan orang yang diinsuranskan. Contoh: Pembayar ialah ayah, yang diinsuranskan ialah anak.

“**Premium**” bermaksud amaun yang dibayar oleh orang yang diinsuranskan untuk membeli polisi insurans.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“**Hayat Yang Diinsuranskan**” bermaksud orang yang hayatnya dilindungi dalam kontrak insurans.

“**WealthInspire**” bermaksud Pelan Tradisional Endowmen Tanpa Penyertaan Dengan Pembayaran Premium Terhad yang ditawarkan oleh AmMetLife.

2. Tempoh Kempen

Kempen akan bermula pada **3 April 2024 to 30 April 2024** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) atau tempoh lain seumpamanya seperti yang akan ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu kepada Pelanggan Yang Layak.

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan **perseorangan baharu dan sedia ada** Bank yang berumur 18 tahun dan ke atas dan dengan CASA AmBank yang aktif. Kempen ini tidak terpakai kepada pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan kebajikan / bukan berasaskan laba, pelanggan korporat dan komersial.
- 3.2 Pekerja-pekerja Kumpulan AmBank dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, adik-beradik dan ibu bapa) juga layak untuk menyertai Kempen ini. Bagi tujuan kempen ini, kadar untuk kakitangan **tidak dibenarkan** untuk diambil kira disamping kadar istimewa.

4. Tawaran Kempen

- 4.1 Kempen ini hanya layak untuk Gabungan DT dengan *WealthInspire*.
- 4.2 Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini, seseorang Pelanggan Yang Layak akan berhak mendapat Kadar Faedah (“**Kadar Keutamaan DT**”) Deposit Tetap seperti dalam Jadual 1 (A) di bawah, sekiranya Pelanggan Yang Layak mendeposit/ membeli *WealthInspire* semasa dalam Tempoh Kempen:

(A) DT dan Gabungan Bancassurance untuk Wealthnspire

Pelanggan Yang Layak akan mendeposit minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) dalam DT untuk tempoh 1-bulan, 3-bulan, 6-bulan atau 12-bulan DAN membeli Premium Tahunan sebanyak minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) dalam *WealthInspire* yang ditawarkan oleh AmMetLife. Minimum nisbah gabungan untuk DT dan *WealthInspire* mestilah 1:1.

Jadual 1 (A) Gabungan Bancassurance untuk WealthEnrich

Nisbah Gabungan	Tempoh	Amaun Peletakan DT Minimum	Premium Tahunan <i>WealthInspire</i> Minimum	Kadar Keutamaan DT
DT: <i>WealthInspire</i> 1:1	1-bulan	RM30,000	RM30,000	36.88% p.a.
	3-bulan			15.88% p.a.
	6-bulan			9.88% p.a.
	12- bulan			6.88% p.a.

5. Kriteria Kempen

- 5.1 Premium Tahunan *WealthInspire* minimum dan peletakan DT ialah Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000). Amaun Premium **hendaklah lebih daripada atau sama** dengan amaun peletakan DT. Sila rujuk ilustrasi dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Ilustrasi untuk Kelayakan

Amaun		Kelayakan
Premium Tahunan <i>WealthInspire</i> (RM)	Peletakan DT (RM)	
30,000	70,000	No
30,000	10,000	Yes
30,000	30,000	Yes

- 5.2 Amaun Peletakan DT tidak dibenarkan lebih tinggi daripada Premium Tahunan *WealthInspire*, tetapi Premium Tahunan *WealthInspire* boleh lebih daripada atau sama dengan amaun Peletakan DT.
- 5.3 Hanya *WealthInspire* dengan **mod bayaran tahunan** akan layak untuk Kempen ini.
- 5.4 Peletakan DT maksimum bagi setiap Pelanggan Yang Layak untuk setiap polisi adalah sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) sahaja.
- 5.5 *WealthInspire* hendaklah dilaksanakan oleh **Syarikat Insurans** dan telah melepasi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari kalendar.

- 5.6 Tarikh menandatangani borang cadangan berkaitan kedua-dua *WealthInspire* dan Peletakan DT awal hendaklah dilakukan pada hari yang sama untuk mendapat Kadar Keutamaan DT.
- 5.7 Pelanggan Yang Layak juga diberikan tiga puluh (30) Hari Kalendar untuk peletakan DT selepas pengeluaran Polisi jika Pelanggan Yang Layak tidak dapat membuat peletakan DT pada hari menandatangani borang cadangan.
- 5.8 Bank berhak untuk mengembalikan Kadar Promosi DT bagi DT Yang Mengambil Bahagian kepada Kadar Papan DT lazim bagi 1-bulan, 3-bulan, 6-bulan atau 12-bulan dari tarikh Peletakan DT dan faedah ke atas DT akan dibayar pada kadar papan lazim Bank sekiranya berlaku yang berikut:
- 5.8.1 Polisi/Sijil Yang Mengambil Bahagian dibatalkan, ditolak, dikembalikan atau dilupuskan oleh mana-mana pihak atas apa-apa jua sebab, pada bila-bila masa semasa tempoh Peletakan DT/DB; dan/atau
- 5.8.2 Pelanggan Yang Layak tidak memenuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
- 5.9 Pemilik Polisi atau Hayat Yang Diinsuranskan dan pemegang akaun DT hendaklah pihak yang sama dan bagi akaun bersama, DT dan Pemilik Polisi atau Hayat Yang Diinsuranskan hendaklah pihak yang sama juga. Sila rujuk ilustrasi dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 Ilustrasi untuk Pemilik Polisi/Pemegang Sijil atau Hayat Yang Diinsuranskan/Peserta dan pemegang akaun DT

<i>WealthInspire</i>		Premium/ Tahunan (RM)	Pemegang Akaun DT		Peletakan DT (RM)	Layak (Ya/Tidak)
Pemilik Polisi	Hayat Yang Diinsuranskan		Utama	Sekunder		
A	-	30,000	A	-	30,000	Ya
A	B	70,000	A	B	70,000	Ya
A	B	30,000	A	-	20,000	Ya
A	-	30,000	A	B	30,000	Ya
A	B	30,000	A	C	30,000	Ya
A	B	30,000	A	C	30,000	Ya
-	A	30,000	A	-	30,000	Ya
B	-	30,000	C	-	30,000	Tidak

- 5.10 Pembayar Polisi tidak layak untuk peletakan DT.
- 5.11 Kadar Keutamaan DT hanya terpakai untuk peletakan awal (1-kitaran). Ini bermakna Pelanggan Yang Layak hanya boleh menikmati 1 kali Kadar Keutamaan DT di bawah Kempen ini untuk polisi sama yang dibeli. Apabila tempoh DT matang, Kadar Keutamaan DT akan ditukarkan kepada kadar papan lazim Bank untuk deposit tetap dan akan terpakai untuk sebarang pelanjutan dan/atau pembaharuan.
- 5.12 DT **TIDAK** boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan percagaran.
- 5.13 Berkuatkuasa dari 1 Januari 2019, semua peletakan DT yang dikeluarkan sebelum matang, **TIDAK akan mempunyai** faedah yang perlu dibayar:

- a. Untuk Akaun DT, Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Akaun dan Perkhidmatan yang boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>

- 5.14 Kempen ini terpakai kepada **Dana Baharu DAN Dana Sedia Ada** dengan peletakan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) untuk kedua-dua DT dan *WealthInspire*.
- 5.15 Kempen ini **tidak terpakai untuk penambahan Premium** serta **penambahan amaun peletakan DT**.
- 5.16 Kempen ini tidak sah dengan sebarang tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh Bank berkaitan *WealthInspire*.
- 5.17 DT dan *WealthInspire* adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dan butirannya boleh didapati di <https://www.pidm.gov.my/en/public/frequently-asked-questions-faqs/about-pidm-faqs/>.

6. Terma dan Syarat Umum

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di dalam ini, yang perlu dibaca bersama dengan:

- a. Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan.

Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk mengetahui sebarang kemas kini mengenai Kempen atau terma dan syarat terkini, jika ada.

- 6.2 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk menandatangani kesemua dokumen standard Bank yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkaitan pelaburan mereka dalam produk-produk yang berkaitan di bawah Kempen ini, yang berasingan daripada terma dan syarat ini.
- 6.3 Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini jika ia mendapati atau menentukan bahawa:
 - a. Pelanggan Yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau bertindak menipu dalam sebarang cara semasa proses kemasukan atau pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
 - b. Pelanggan Yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi untuk melanggar terma dan syarat di dalam ini.
- 6.4 Kempen ini tidak sah dengan kempen-kempen Bank yang lain. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain yang akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 6.5 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.

- 6.6 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank kepada Kempen ini tidak akan memberi Pelanggan Yang Layak hak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 6.7 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan pada laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau mana-mana cawangan Bank dan notis yang sedemikian akan dianggap sebagai telah disampaikan dan dimaklumkan kepada Pelanggan Yang Layak.
- 6.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak. Sebarang surat-menyurat atau rayuan lanjut tidak akan dilayan.
- 6.9 Dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana yang berikut:
- a. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini akibat daripada sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah pihak Bank.
 - b. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pelanggan Yang Layak di atas sebarang kerosakan dalam apa-apa jua bentuk atau kerugian yang dialami (seperti kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, contoh, sampingan, punitif atau ganti rugi khas) walau bagaimana sekalipun timbul berhubung dengan penyertaan di dalam Kempen ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini, kecuali di mana tindakan, tuntutan, kerugian langsung, kerosakan dan perbelanjaan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan Pihak Bank.
- 6.10 Semua soalan berkenaan pembinaan, kesahan, penguatkuasaan dan tafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di dalam ini akan ditadbir oleh, ditafsir dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak terlibat dengan ini menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan sebarang saman, tindakan atau lain-lain prosiding yang timbul daripada atau berdasarkan kepada terma dan syarat di sini.
- 6.11 Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini juga tersedia.
- 6.12 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di ambank.com.my/eng/terms-and-conditions untuk maklumat kemas kini atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 6.13 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Bank dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad dengan menghubungi 03-2178 8888 atau menghantar pertanyaan/ maklum balas melalui e-mel ke customercare@ambankgroup.com.